

bah

PIKET EKSEKUTIF TNB SATU UGUTAN, KATA PM (ulangan membetulkan singkatan utk Tenaga Nasional)

Mahathir - Piket

KUALA LUMPUR, 4 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata piket oleh kakitangan eksekutif Tenaga Nasional Berhad (Tenaga Nasional) Jumaat lepas merupakan satu ugutan dan salah di sisi undang-undang.

Katanya, piket itu +ganjil sekali+ kerana daripada segi undang-undang eksekutif sesebuah syarikat tidak dibenarkan berpiket.

+Ini menunjukkan eksekutif-eksekutif Tenaga Nasional tidak faham akan hak mereka. Jika perbuatan ini berlanjutan kerajaan akan mengambil tindakan undang-undang,+ kata Perdana Menteri kepada pemberita semasa ditemui di rumah terbuka parti Gerakan sempena perayaan Tahun Baru Cina di sini.

Datuk seri Dr Mahathir berkata jika pihak pengurusan tunduk kepada permintaan itu, pihak eksekutif akan minta lebih lagi, dan jika tidak tunduk pula kepada permintaan tersebut, mereka mungkin terus berpiket.

+Oleh sebab Tenaga Nasional terlibat dalam menyediakan kemudahan asas iaitu kuasa elektrik bagi seluruh negara, saya khuatir perbuatan begini boleh menjejaskan pembangunan negara,+ kata beliau. -- Lagi

Mahathir - piket 2 Kuala Lumpur

Katanya, kakitangan Tenaga Nasional seharusnya menghargai penswastan badan itu kerana banyak lagi jabatan kerajaan yang tidak diswastakan dan tidak menikmati ganjaran seperti kakitangan Tenaga Nasional.

Kerajaan menjamin kakitangan Tenaga Nasional tidak rugi ekoran penswastan agensi itu dan kerajaan juga menepati semua janji sebelum ini, katanya.

Kira-kira 300 anggota Persatuan Eksekutif Tenaga Nasional berpiket Jumaat lepas kerana tidak puas hati dengan pelaksanaan bayaran bonus oleh majikan. Dalam piket itu patung Pengerusi Tenaga Nasional Tan Sri Ani Arope, Setiausaha Tenaga Nasional Datuk Mahmud Badri dan timbalannya, Puan Azizah Osman dipukul oleh pemimpin dan ahli persatuan itu.

Mengenai tindakan kerajaan Kelantan menahan jentera berat memasuki kawasan pembinaan ampangan hidroelektrik Pergau di negeri itu, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, +Kerajaan Kelantan mesti menanggung kerugian yang dialami oleh syarikat yang terlibat dalam pembinaan ampangan itu+.

Kerajaan negeri itu juga dilaporkan enggan membenarkan kontraktor ampangan itu menggunakan sebidang tanah di km 9 Lebuhraya Timur-Barat bagi membina terowong penyimpanan setelah permintaannya mendapatkan pampasan tidak diluluskan. -- Lagi

▼04/02/16-09MST

CNS0766

U GB 04-02 00101 BA850

bah

Mahathir 3 (akhir) Kuala Lumpur

Menteri Sumber Manusia, Datuk Lim Ah Lek pula menyifatkan piket anjuran Persatuan Eksekutif Tenaga Nasional Berhad (PET) itu sebagai tidak bertanggungjawab dan bukan satu contoh yang baik.

+Sebagai golongan peringkat atasan, mereka sepatutnya memberikan contoh kepada kakitangan bawahan,+ katanya kepada pemberita di rumah terbuka MCA sempena sambutan Tahun Baru Cina.

Mereka sepatutnya menyelesaikan apa-apa masalah di meja perundingan secara baik dengan pihak pengurusan, katanya.

Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim semalam memberi amaran kepada pegawai eksekutif Tenaga Nasional supaya jangan lagi berpiket. -- Bernama

▼04/02/16-10MST